

# Hampir dua juta mohon isi 26,436 jawatan - SPA

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Sejumlah 1,960,261 calon memohon sebagai penjawat awam direkodkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sepanjang tahun 2022 sehingga 11 Mei lalu berbanding jumlah pengambilan hanya melibatkan 26,436 jawatan.

Pengerusi SPA, Tan Sri Zainal Rahim Seman berkata, jumlah itu melibatkan 1,279,494 permohonan bagi tahun 2022 berbanding jumlah yang berjaya dilantik hanya 20,762 orang, manakala pada tahun ini pula, sejumlah 680,767 permohonan dengan sebanyak 5,674 calon berjaya memperoleh jawatan.

Beliau berkata, lebih 70 peratus pemohon adalah orang Melayu, manakala Cina hanya 1.2 peratus dan India 3.1 peratus.

Menurut beliau, jumlah lantikan tetap yang diambil meningkat sejak tahun 2020 iaitu sebanyak 15,518 orang dan pada tahun 201 sebanyak 15,755 orang, manakala jumlah lantikan kontrak bagi Pegawai Perubatan, Pergigian, Farmasi dan Jawatan Separa Perubatan adalah sebanyak 9,952 (2020); 8,750 (2021) dan 16,878 (2022).

"Bagi lantikan kontrak bagi jawatan-jawatan lain pula, sebanyak 4,600 jawatan diisi bagi tahun 2020, 16,472 (2021) dan 10,285 (2022)," katanya pada majlis SPA bersama media di sini semalam.



**ZAINAL** Rahim Seman (dua dari kiri) bertanya sesuatu kepada calon ketika meninjau proses temuduga perkhidmatan awam selepas majlis bersama media di Putrajaya, semalam. -UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Zainal Rahim berkata, SPA sudah mengaplikasikan digitalisasi sepenuhnya bagi sistem permohonan dalam talian iaitu SPA9 yang mewajibkan semua proses permohonan melalui tiga peringkat penilaian sebelum dipanggil temu duga bagi mengelak dituduh tidak adil.

Sementara itu, tidak hadir bertugas dan ponteng kerja direkodkan punca paling popular penjawat awam dikenakan tindakan tatatertib ketika dalam tempoh perkhidmatan awam sejak tahun 2020 hingga 2022.

Mengikut statistik, pada tahun

2020, sebanyak 117 dikenakan tindakan tatatertib, manakala sebanyak 83 (2021) dan 51 (2022).

"Perkara ini tidak patut berlaku kerana kita telah bekalkan tatacara dan tata kelola hadir bertugas serta menyeru untuk patuh peraturan demi kebaikan anggota serta kemajuan perkhidmatan awam," katanya.

Zainal Rahim berkata, ketua jabatan atau lembaga tatatertib di setiap kementerian dan jabatan terlibat berperanan mengambil tindakan selepas kes tersebut dibawa kepada mereka.

"Hukuman paling rendah

ialah surat amaran. diikuti paling akhir iaitu turun pangkat atau buang kerja. Bagi tindakan buang kerja, ia melibatkan jenayah dan dadah," jelasnya.

Zainal Rahim mengesyorkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merujuk kes salah laku jenayah rasuah membabitkan penjawat awam kepada jawatankuasa khas di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Katanya, proses itu lebih tersusun supaya setiap teguran SPRM berkenaan diambil tindakan.